



## KEM "PATH OF GLORY SUKIPT" ATLET PRESTASI TINGGI UTHM

**TANJUNG MALIM | 30 Jun - 2 Julai 2024** | Pusat Sukan Universiti telah mengadakan Kem "Path of Glory SUKIPT" Atlet Prestasi Tinggi UTHM bertempat di Kalumpang Resort & Training Centre pada 30 Jun hingga 2 Julai 2024.

Kem ini telah mengumpulkan seramai 80 orang atlet prestasi tinggi UTHM bagi mempersiapkan diri menghadapi SUKIPT 2024 yang bakal berlangsung pada September nanti. Tujuan kem ini diadakan untuk membentuk atlet minda juara yang dapat menyumbangkan pingat kepada Universiti khususnya di Kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT).





## 4 PINGAT BERJAYA DIRANGKUL ATLET SILAT DI SUKAN UNIVERSITI ASEAN (AUG) 2024

**SURABAYA-MALANG, INDONESIA | 25 Jun - 6 Julai 2024** | Prestasi cemerlang telah dicapai oleh 4 orang atlet UTHM di Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2024, memperjuangkan pingat dalam acara Silat Olahraga. Sdr. Nur Hanisah binti Zulkifli (PPD) telah berjaya memperolehi Pingat Perak dalam acara Silat Olahraga Putri F. Manakala, Sdr. Muhammad Fadhilah Izhar bin Tajudin (FPTV) berjaya memperolehi Pingat Gangsa dalam acara Silat Olahraga Putra C. Bagi Acara Futsal Lelaki, Muhammad Arif Roslan dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) dan Norharis Muzammil Norhanan dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) meraih pingat perak. Kejayaannya tidak hanya membanggakan UTHM tetapi juga menandakan potensi atletik yang luar biasa dari mereka berdua.

Prestasi gemilang ini bukan sahaja mengukuhkan kedudukan UTHM dalam arena sukan antarabangsa tetapi juga memperjuangkan semangat kesukanan dan kecemerlangan di kalangan mahasiswa. Ia adalah bukti komitmen UTHM untuk memupuk bakat dan melahirkan juara dalam pelbagai bidang, menjadikan nama universiti ini bersinar di persada global





# KARNIVAL SUKAN BANGSA JOHOR 2024 (BOLA JARING)

**KLUANG | 13-14 Julai 2024** | Tahniah diucapkan kepada Pasukan Bola Jaring UTHM atas kejayaan merangkul tempat ke-3 di kejohanan Karnival Sukan Bangsa Johor 2024 bagi acara Bola Jaring yang berlangsung pada 13 – 14 Julai 2024 bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Kluang. Pasukan Bola Jaring UTHM yang mewakili Dun Semarang telah menunjukkan prestasi cemerlang dan semangat juang yang tinggi, berjaya menewaskan Pasukan Dun Larkin dengan keputusan 11-4.

Kejayaan ini adalah hasil daripada usaha keras, komitmen, dan kerjasama yang mantap dalam pasukan. Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi untuk mencapai lebih banyak kemenangan di masa hadapan. Tahniah sekali lagi!



## KEJOHANAN BOLA TAMPAR LELAKI TERBUKA BATU PAHAT 2024 PIALA YB ONN ABU BAKAR

**BATU PAHAT | 13-14 Julai 2024** | Tahniah diucapkan kepada Pasukan Bola Tampar Lelaki UTHM atas kejayaan meraih gelaran Naib Johan di Kejohanan Bola Tampar Lelaki Terbuka Batu Pahat 2024 Piala YB Onn Abu Bakar yang diadakan di Chinese High School Batu Pahat pada 13-14 Julai 2024.

Pasukan Bola Tampar UTHM telah menunjukkan semangat juang yang tinggi dan prestasi yang cemerlang sepanjang kejohanan ini. Meskipun tewas kepada pasukan Gladiator di perlawanan akhir dengan keputusan 0-2, semangat dan usaha gigih yang dipamerkan oleh pasukan UTHM tetap mengharumkan nama universiti. Teruskan usaha dan semoga kejayaan yang lebih gemilang menyusul di masa akan datang.





# UTHM PRIHATIN INCH LOSS CHALLENGE 2024



**UTHM | 16 Julai 2024 |** UTHM Prihatin dengan kerjasama KSUTHM, YAYASAN UTHM, PERKASA, PENTAS, KKP UTHM dan Pusat Sukan Universiti telah mengadakan sesi 'Kick Off' sebagai permulaan kepada program 'UTHM Prihatin Inch Loss Challenge 2024.'

Program 'UTHM Prihatin: Inch Loss Challenge 2024' merupakan program galakan untuk mengamalkan gaya hidup yang cergas dan sihat. Program ini akan membantu peserta menurunkan berat badan menerusi kaedah senaman dan amalan pemakanan yang sihat dengan bimbingan jurulatih profesional.



Sesi tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pustakawan, Puan Zaharah Abd Samad merangkap Ketua Fokus UTHM Prihatin. Turut diadakan, simbolik penyerahan jam pintar daripada KSUTHM kepada peserta program.



Hadir sama, Prof. Ir. Dr. Yusri Yusof, Pengerusi Kelab Staf UTHM (KSUTHM), Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad, Pengarah Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat dan Encik Mohd Razif M.Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan UTHM.

Sesi ini diadakan sebagai sokongan dan komitmen kepada kepada 30 peserta yang berani menyahut cabaran dan akan berjuang untuk kekal aktif dan sihat. Pada sesi ini para peserta turut ditaja dengan minuman bertenaga 'Minkaffe' daripada Sahajidah Hai-O Marketing Sdn. Bhd. untuk mengekalkan tenaga dan kesegaran sepanjang hari.





# KEJOHANAN NEGERI SEMBILAN INDOOR ROWING CHAMPIONSHIPS

**NILAI | 6 Julai 2024** | Setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Pasukan Mendayung UTHM atas kejayaan gemilang merangkul 15 Emas, 4 Perak, dan 7 Gangsa di Kejohanan Negeri Sembilan Indoor Rowing Championships 2024 yang telah berlangsung pada 6 Julai 2024 di MesaMall Nilai. Kejayaan ini adalah hasil daripada dedikasi, kerja keras, dan semangat juang yang tidak pernah luntur. Berikut adalah keputusan penuh kejohanan tersebut

## U23 500m

Men

Chan Yu Xuan (FKEE) - Emas

Ahmad Faiz Zuhairi Ahmad Fakhrul-Din (PPD) - Perak

Leroy Yip Wai Lun (FKMP) - Gangsa

Women

Tee Yen Shin (FKAAB) - Emas

Marina Nur Hidayah Binti Mohd Hazli (PPD) - Perak

## Open 500m

Men

Muhd Nur Iman bin Mohd Yusof(FTK) - Emas

Women

Nurzarinah Binti Zakaria (FSKTM) - Emas

Nur Dinie Izzati Binti Abd Rahman (FKMP) - Perak

Nurul Amira Binti Norhadi (FTK) - Gangsa

## Senior 500m

Men

Zulfadhli Bin Rozali (Staf FPTV) - Emas

Women

Nur Afiqah Zamia Binti Sumeri (FPTV) - Emas

## U23 2000m

Men

Leroy Yip Wai Lun (FKMP) - Emas

Ahmad Faiz Zuhairi Ahmad Fakhrul-din (PPD) - Perak

Women

Tee Yen Shin (FKAAB) - Emas

Woon Jia Wen (FAST) - Perak

## Open 2000m

Men

Mohd Arif Ashraf bin Mohd Rusok (Alumni) - Emas

Muhd Nur Iman bin Mohd Yusof (FTK) - Perak





## Women

Nurzarinah binti Zakaria (FSKTM) - Emas  
Nur Dinie Izzati Binti Abd. Rahman (FKMP) - Perak  
Nurul Amira Binti Norhadi (FTK) - Gangsa

## Senior 2000m

### Men

Mohd Zulfadhli bin Rozali (Staf FPTV) - Emas

### Women

Nur Afiqah Zamia Binti Sumeri (FPTV) - Emas

## Mix Relay

### Emas

Sheikh Ahmad Safwan Bin Shaikh Sabri (FKMP)  
Muhd Afiq Daniel Bin Abd Halim (FKAAB)  
Marina Nur Hidayah Binti Mohd Hazli (PPD)  
Nurul Amira Binti Norhadi (FTK)

### Perak

Muhd Azfar Nabil Bin Zahri (FKEE)  
Nabil Hakimi Bin Badrul Hisham (FKEE)  
Siti Fazlia Binti Mohd Latif (FKAAB)  
Woon Jia Wen (FAST)

## Open Men Relay

### Emas

Chan Yu Xuan (FKEE)  
Muhd Nur Iman bin Mohd Yusof (FTK)  
Ahmad Faiz Zuhairree Bin Ahmad Fakhrul-din (PPD)  
Leroy Yip Wai Lun (FKMP)

## Open Women Relay

### Emas

Nur Afiqah Zamia Binti Sumeri (FPTV)  
Nurzarinah Binti Zakaria (FSKTM)  
Nur Dinie Izzati Binti Abd Rahman (FKMP)  
Tee Yen Shin (FKAAB)





# KLUANG ROAD RELAY 2024

**KLUANG | 20 Julai 2024** | Pasukan Olahraga Staf UTHM telah menghantar penyertaan 1 pasukan Wanita ke Kluang Road Relay 2024 bertempat di Kompleks Stadium Kluang sebagai persediaan ke Sukan Antara Staf Universiti Malaysia (SUKUM) 2024 UMS. Berikut adalah keputusan penuh pertandingan :-



Kategori Jabatan Kerajaan Wanita  
Tempat Pertama

Pasukan Staf Wanita UTHM

- PM. Ir. Ts. Dr. Tan Lai Wai - FKAAB
- Dr Chua King Lee – FKEE
- PM. Ts. Dr Nur Kamilah binti Yusuf – FKMP
- Noradzuana binti Samiran – Audit Dalam

## KEPUTUSAN KEJOHANAN OPEN TRIPLES JOHOR CHALLENGES 2024 (LAWN BOWLS)

**ARENA EMAS, SKUDAI | 19-20 Julai 2024** | Berikut adalah keputusan Open Triples Johor Challenges 2024 (Lawn Bowls) :

UTHM E : Tempat Ke 4 (Cup)  
Muhammad Haziq Bin Basir (FKMP)  
IR. Dr. Sri Yulis Binti M Amin (Staff)  
Muhammad Nurhisyam Bin Md Ramli (Staff)



UTHM A : Tempat Ke 4 (Plate)  
Muhammad Akmal Afifi Bin Mohamad Shukri (FKMP)  
Nurul Atiqah Binti Ridhwan (FKMP)  
Mohamad Hashim Bin Mohd Sabirin (FKMP)



UTHM D : Pusingan 16 (Spoon)  
Muhammad Azmi Bin Ali (Staff)  
Zuraidah Binti Mohd Esa  
Ishak Bin Ayub (Staff)



UTHM B : Pusingan 32 (Spoon)  
Muhammad Arif Daniel Bin Samsuddin (FFTP)  
Ahmad Zhariff Irfan Bin Mohd Zaki  
(FKMP)  
Muhammad Lukman Hakim Bin Mohamad Azhar (FFTP)


UTHM C : Pusingan 32 (Spoon)  
Nurnajuwa Binti Abdul Ghapar (FPTV)  
Muhammad Hazim Bin Hasnan (FKAAB)  
Muhammad Nurarif Amsyar Muhamad Amin Bin Abdullah (FKAAB)



# LATIHAN ALTITUD TINGGI PASUKAN BERBASIKAL UTHM

**25 - 26 JULAI 2024 | CAMERON HIGHLANDS** | Pasukan Berbasikal UTHM telah mengadakan latihan altitud tinggi untuk mempersiapkan diri sebelum menghadapi SUKUM (staf) dan SUKIPT (pelajar) 2024. Latihan ini telah bermula di Felda Sungai Koyan dan tamat di Tanah Rata, Cameron Highlands dengan jarak 100km berketinggian 1,900m melibatkan seramai 30 orang atlet berbasikal termasuk pasukan berbasikal Majlis Perbandaran Batu Pahat (MBPB).

Turut hadir ialah Tuan Ezahar bin Abu Sairin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat, Encik Mohd Razif Mohd Salleh, Bekas pelumba berbasikal kebangsaan dan Sr. Dr. Anuar bin Mohd Salleh, Pengarah Pusat Sukan Universiti.



## LARIAN MAJLIS AMANAT PERDANA PERKHIDMATAN AWAM (MAPPA) KE-19 TAHUN 2024

**UTHM | 20 Mei 2024** | Setinggi-tinggi ucapan Tahniah kepada Prof Madya Dr Tan Lai Wai atas kejayaan memperoleh tempat ke 2 bagi 10 KM Kategori Penjawat Awam Wanita Umur 46 ke atas dalam Larian Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) ke-19 Tahun 2024 yang bertempat di Dataran Putrajaya pada 3 Ogos 2024 (Sabtu). Seramai 14 orang staf UTHM telah menyertai larian ini iaitu :

1. En. Omar Abu Hassan - FTK
2. En. Mohd Al Hafiz Bin Nordin - FSKTM
3. Pn. Noradzuana Binti Samiran - UAD
4. Pn. Munirah Mohd Yusof - FSKTM
5. En. Mohd Adib Bin Ramzi - FKMP
6. En. Nizam Bin Jamat - FKMP
7. En. Hisyam B Abd Shukor - PTTA
8. Pn. Nurulisyazila Binti Othaman - PPB
9. PM Ir. Ts. Dr. Tan Lai Wai - FKAAB
10. En. Mohd Khairul Azhar Bin M Yunos - PTTA
11. En. Zahrul Hisham Bin Othman - FKMP
12. En. Azri Bin Suhot - BAHAGIAN KESELAMATAN
13. En. Saifudin Bin Salim - PTTA
14. Pn. Nur Zahirah Binti Abd Jabar - OSHE





# KEJOHANAN SUKAN BADMINTON MAKSAK GAMES 2024

**Kulai | 3 Ogos 2024** | Tahniah diucapkan kepada En. Akhmal Nur Azim bin Ahmad Nasri dari Pusat Sukan Universiti yang telah dinobatkan sebagai Johan dalam Kategori Lelaki Individu dalam Kejuaraan Sukan Badminton MAKSAK GAMES 2024 pada 3 Ogos 2024 bertempat di Sport City Kulai. Tidak ketinggalan, ucapan tahniah juga kepada En. Iszuwan bin Azhar dari Pejabat Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang berjaya meraih gelaran Johan dalam Kategori Beregu Lelaki!

Kedua-dua pencapaian ini mencerminkan dedikasi dan kecemerlangan yang mengagumkan. Kami amat berbangga dengan pencapaian anda berdua dan berharap ia akan terus menjadi inspirasi kepada semua. Semoga kejayaan ini membuka jalan untuk lebih banyak kejayaan di masa hadapan!



## PENUTUPAN KEM PEMBANGUNAN PASUKAN SILAT UTHM 2024

**UTHM | 6 Ogos 2024** | Kem Pembangunan Pasukan Silat UTHM 2024 yang telah berlangsung pada 27 Julai hingga 7 Ogos 2024 kini telah pun melabuhkan tirainya. Majlis penutup yang dirasmikan oleh Sr. Dr. Anuar Bin Mohd Salleh, Pengarah Pusat Sukan Universiti, memberi penghargaan kepada semua peserta atas dedikasi dan usaha mereka.

Dengan segala ilmu dan latihan yang diperolehi, kami yakin pasukan silat UTHM akan lebih bersedia untuk menghadapi cabaran di Malaysia Varsity Silat Championship & International Invitation 2024, yang akan diadakan di UTHM pada 8 hingga 11 Ogos 2024.





# KEJOHANAN MALAYSIAN VARSITY SILAT CHAMPIONSHIP & INTERNATIONAL INVITATION 2024: THAILAND

## MENDOMINASI, UTHM RAIH ANUGERAH

**UTHM | 8 - 11 Ogos 2024** | Kejohanan Malaysian Varsity Silat Championship & International Invitation 2024 berlangsung dengan meriah pada 8 hingga 11 Ogos di Dewan Sultan Ibrahim, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Kejohanan anjuran Pusat Sukan Tumpuan (PST) Silat KPT-UTHM yang diterajui oleh Pusat Sukan Universiti, UTHM dengan kerjasama Persekutuan Silat Kebangsaan (PESAKA) Malaysia ini telah disertai oleh 33 pasukan dari Malaysia, Indonesia, dan Thailand. Acara ini menampilkan persaingan sengit antara peserta dari pelbagai negara dan institusi, menjadikannya satu pentas penting untuk mempamerkan kemahiran silat.

Pasukan Thailand muncul sebagai juara keseluruhan, dengan kejayaan cemerlang meraih 12 pingat emas, 3 pingat perak, dan 2 pingat gangsa. Prestasi luar biasa ini menegaskan kekuatan dan kehebatan pasukan Thailand dalam silat di peringkat antarabangsa.

Dalam majlis penutup yang berlangsung dengan penuh kesyukuran, Dato Sri Ibrahim bin Ahmad, Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, telah merasmikan majlis tersebut. Anugerah Pesilat Terbaik Putra diberikan kepada Muhammad Fadhilah Izhar bin Tajudin dari UTHM, sementara Pesilat Terbaik Putri diserahkan kepada Putthachat Duangwichian dari Thailand. Turut hadir Datuk Haji Mohd Lassim Burhan, Ahli Lembaga Pengarah Universiti merangkap Yang Dipertua Persatuan Silat Kebangsaan Johor; Prof. Dr. Shahrudin Mahzan @ Mohd Zin, Timb. Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa); Encik Tony Azman Hassan, Ketua Pen. Setiausaha Kanan Seksyen Sukan KPT; Puan Bini Aishah Golbal Shah, Setiausaha Agung PESAKA; Sr. Dr. Anuar Mohd Salleh, Pengarah Pusat Sukan Universiti dan pegawai Universiti.

Kejohanan ini bukan sahaja merayakan pencapaian pesilat tetapi juga mengukuhkan hubungan antara universiti dan negara, mempromosikan semangat persahabatan dan kecemerlangan dalam sukan silat. Kejohanan ini juga merupakan salah satu usaha Pusat Sukan Tumpuan (PST) Silat KPT-UTHM bagi memastikan objektif utama penubuhannya tercapai iaitu sekurang-kurangnya 30% atlet kebangsaan daripada kalangan atlet IPT.





# KEJOHANAN MALAYSIAN VARSITY SILAT CHAMPIONSHIP & INTERNATIONAL INVITATION 2024

**UTHM | 8-11 Ogos 2024** | Pasukan Silat UTHM telah mencapai kejayaan cemerlang di Kejohanan Malaysian Varsity Silat Championship & International Invitation 2024 yang berlangsung dari 8 hingga 11 Ogos di Dewan Sultan Ibrahim UTHM. Dengan semangat juang yang tinggi, pasukan UTHM berjaya membawa pulang 1 Pingat Emas dan 5 Pingat Gangsa. Tahniah juga kepada Muhammad Fadhilah Izhar Bin Tajudin daripada Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) yang dinobatkan sebagai Pesilat Terbaik Putra. Kejayaan ini adalah hasil dedikasi dan usaha gigih setiap ahli pasukan. Teruskan usaha dan semangat anda.

Berikut adalah senarai penuh pemenang :

- Muhammad Fadhilah Izhar Bin Tajudin (FPTV)  
Pinga Emas Putra B / Pesilat Terbaik Putra
- Shahrizat Bin Shahr (FPTP)  
Pingat Gangsa Putra C
- Aqil Naufal bin Mahdani (PPD)  
Pingat Ganga Putra G
- Muhamad Firdaus bin Muhamad Salleh (FPTV)  
Pingat Gangsa Putra J
- Nur Faiqah Dayana bt Harris (PPD)  
Pingat Gangsa Putri B
- Nur Hanisah Binti Zulkifli (PPD)  
Pingat Gangsa Putri F





# PASUKAN MENDAYUNG UTHM PAMERKAN AKSI LUAR BIASA DI KEJOHANAN 2024 ASIAN ROWING INDOOR CHAMPIONSHIPS (ARICH) DAN 2024 PENANG ROWING INTERNATIONAL INDOOR CHAMPIONSHIPS (PRICH)

**PULAI PINANG | 9-11 Ogos 2024 |** Pasukan Mendayung UTHM telah mewakili Kejohanan 2024 Asian Rowing Indoor Championships (ARICH) dan 2024 Penang Rowing International Indoor Championships (PRICH) yang diadakan di Straits Quay Retail Marina, Pulau Pinang pada 9 - 11 Ogos. Kejohanan ini melibatkan 11 buah negara dan atlet daripada Pasukan Mendayung UTHM telah berjaya merangkul 18 Pingat Emas, 9 Pingat Perak dan 7 Pingat Gangsa.

## PUNGUTAN PINGAT KEJOHANAN 2024 PENANG ROWING INTERNATIONAL INDOOR CHAMPIONSHIPS (PRICH)

23 and Under Lightweight 2000m  
MEN

- 1)Ahmad Faiz Zuhairi Bin Ahmad Fakhrul-din - Emas
- 2) Chan Yu Xuan – Perak

WOMEN

- 1)Nurul Amira Binti Norhadi - Emas
- 2)Nur Aqilah Binti Baharudin - Perak

Open Lightweight 2000m  
WOMEN

- 1)Nurzarinah Binti Zakaria - Emas
- 2)Nur Dinie Izzati Binti Abd Rahman - Perak

Masters 30-39 Lightweight 2000m  
WOMEN

- 1)Nur Afiqah Zamia Binti Sumeri - Emas

23 and under Open 2000m  
MEN - Emas

- 1)Leroy Yip Wai Lun

WOMEN

- 1)Tee Yen Shin - Emas

23 and under lightweight 500m

MEN

- 1)Chan Yu Xuan - Emas
- 2)Ahmad Faiz Zuhairi Bin Ahmad Fakhrul-din - Perak
- 3)Muhammad Azfar Nabil Bin Zahri – Gangsa

WOMEN

- 1)Nur Aqilah Binti Baharudin - Emas
- 2)Nurul Amira Binti Norhadi - Perak
- 3)Woon Jia Wen - Gangsa





Open lightweight 500m

WOMEN

- 1) Nurzarinah Binti Zakaria - Emas
- 2) Nur Dinie Izzati Binti Abd Rahman - Gangsa

Masters 30-39 Lightweight 500m

WOMEN

- 1) Nur Afiqah Zamia Binti Sumeri - Emas

23 and under open 500m

MEN

- 1) Leroy Yip Wai Lun - Silver

WOMEN

- 1) Tee Yen Shin - Emas

Mixed Relay 4x500m

UTHM B - Perak

- 1) Sheikh Ahmad Safwan Bin Shaikh Sabri
- 2) Muhammad Azfar Nabil Bin Zahri
- 3) Nur Aqilah binti Baharudin
- 4) Nurul Amira Binti Norhadi

23 and Under Relay 4x500m

MEN - Emas

- 1) Chan Yu Xuan
- 2) Leroy Yip Wai Lun
- 3) Ahmad Faiz Zuharee Bin Ahmad Fakhrul-din
- 4) Muhammad Nur Iman Bin Mohamad Yusof

Open Relay 4x500m

WOMEN - Emas

- 1) Nur Afiqah Zamia Binti Sumeri
- 2) Nurzarinah Binti Zakaria
- 3) Tee Yen Shin
- 4) Nur Dinie Izzati binti Abd Rahman

Open Lightweight Double 2000m

MEN - Gangsa

- Nabil Hakimi Bin Badrul Hisham  
Muhammad Azfar Nabil bin Zahri

WOMEN - Emas

- Woon Jia Wen  
Marina Nur Hidayah binti Mohamad Hazli

Alumni

Open Lightweight 500m

- Mohd Arif Ashraf bin MohdRrusok - Emas





Open Lightweight 2000m  
Mohd Arif Ashraf bin Mohd Rusok - Emas

**PUNGUTAN PINGAT KEJOHANAN 2024 ASIAN  
ROWING INDOOR CHAMPIONSHIPS (ARICH)**

Masters 30-39 Lightweight 500m  
WOMEN  
Nur Afiqah Zamia binti Sumeri - Emas

Masters 30-39 Lightweight 2000m  
WOMEN  
Nur Afiqah Zamia Binti Sumeri - Gangsa

Under 23 Lightweight 500m  
MEN  
Chan Yu Xuan - Gangsa

Under 23 Open 2000m  
MEN  
Leroy Yip Wai Lun – Gangsa

WOMEN  
Tee Yen Shin - Emas

Open Lightweight 500m  
WOMEN  
Nurzarinah Binti Zakaria - Perak

Open Lightweight 2000m  
WOMEN  
Nurzarinah Binti Zakaria – Gangsa





# KONTINJEN UTHM RAIH PENCAPAIAN CEMERLANG DI SUKUM 2024, UMS SABAH

**UMS, KOTA KINABALU | 8-17 Ogos 2024** | Kontinjen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dalam Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) 2024 yang berlangsung dari 8 hingga 17 Ogos 2024 di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Dalam kejohanan tersebut, kontinjen UTHM berjaya meraih 3 pingat emas, 5 pingat perak, dan 5 pingat gangsa. Pencapaian ini bukan sahaja membuktikan kehebatan para atlet staf UTHM tetapi juga menepati sasaran pingat yang telah ditetapkan oleh pihak universiti bagi edisi SUKUM kali ini.

Walaupun begitu, UTHM berada di kedudukan ke-17 daripada 20 universiti yang bertanding. Kedudukan ini tidak menghalang semangat para staf yang terlibat, malah mereka tetap bangga dengan pencapaian yang diperolehi. Keseluruhan kontinjen UTHM telah mempamerkan semangat juang yang tinggi dan dedikasi yang tidak berbelah bahagi sepanjang kejohanan berlangsung.

Tahniah diucapkan kepada semua atlet dan staf yang telah bertungkus-lumus memberikan yang terbaik untuk universiti. Semoga pencapaian ini menjadi pemangkin kepada kejayaan yang lebih cemerlang pada masa akan datang. Berikut adalah senarai pemenang pingat kontinjen UTHM :

- Pn. Nurhaida binti Mat Sahar (FPTV) - Acara Berbasikal Wanita Senior - Emas
- Pn. Nor Hairani binti Mukhtar (Pusat Kepimpinan & Kompetensi) - Acara Berbasikal Wanita Veteran – Perak
- En. Akhmal Nur Azim Bin Ahmad Nasri (PSU)- Acara Badminton Lelaki Individu – Emas
- En. Akhmal Nur Azim Bin Ahmad Nasri (PSU) & En. Md Mahdzer Bin Rahmat @ Haji Abd Rahman (PTM) – Acara Badminton Beregu Lelaki – Perak
- En. Encik Hairul Nizat Bin Siban (PP) – Acara Rejam Lembing Lelaki Veteran - Emas
- Ts. Dr. Mahyuzie Bin Jenal (FKEE) - Acara Rejam Lembing Lelaki Veteran - Gangsa
- Ts. Dr. Mahyuzie Bin Jenal (FKEE) – Acara Lempar Cakera Lelaki Veteran - Perak
- 4x200m Wanita Veteran : Gangsa  
Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Tan Lai Wai (FKAAB)  
Pn. Noradzuana Binti Samiran (UAD)  
Pn. Siti Haslinda Binti Ahmad (PP)  
Prof. Madya Ts. Dr. Nur Kamilah Binti Yusuf (FKMP)
- Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Tan Lai Wai (FKAAB) – Acara 1500m Wanita Veteran – Perak
- Pn. Noradzuana Binti Samiran (UAD) - Acara 1500m Wanita Veteran – Gangsa
- Ts. Dr. Mahyuzie Bin Jenal (FKEE)- Acara Lontar Peluru Lelaki Veteran – Perak
- 4x400m Wanita Veteran : Gangsa  
Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Tan Lai Wai (FKAAB)  
Pn. Noradzuana Binti Samiran (UAD)  
Pn. Siti Haslinda Binti Ahmad (PP)  
Prof. Madya Ts. Dr. Nur Kamilah Binti Yusuf (FKMP)



**Tahniah**

**SUKUM 2024**

**Kontinjen UTHM**  
 Kejuhanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) 2024  
 8-17 Ogos | Universiti Malaysia Sabah  
 ikhlas daripada  
 Warga Pusat Sukan Universiti  
 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Global Technopreneur University 2020

Trustworthy · Professional · Innovative

PUSAT SUKAN UNIVERSITI

UTM TV





# SELAMAT MAJU JAYA ATLET UTHM DI SUKMA SARAWAK 2024

**SARWAK | 17-24 Ogos 2024** | Selamat Maju Jaya diucapkan kepada semua atlet UTHM yang akan mewakili negeri masing-masing di SUKMA Sarawak 2024 dari 17 hingga 24 Ogos 2024 ini. Semoga anda semua berjaya membawa pulang kejayaan yang gemilang untuk kontinjen negeri, dan pada masa yang sama mengharumkan nama UTHM. Kami bangga dengan usaha, dedikasi, dan semangat juang anda. Teruskan usaha dan berikan yang terbaik. Berikut adalah senarai atlet yang terlibat :

1. Wu Yong Yu (PPD) | Melaka – Gimnastik
2. Muhd Nasruddin Azrin (PPD) | Terengganu – Taekwando Kyorugi
3. Muhd Amiruddin Zulkifli (FKMP) | Terengganu - Mekanah
4. Hew Wei Peng (PPD) | Johor – Wushu
5. Kuganess A/L Sivajothy (FKEE) | Melaka – Kabaddi
6. Muhd Harith Mohd Sis (FKEE) | Melaka – Ragbi
7. Muhammad Danesh Hakimi Bin Mohd Ghazali (FTK) | Melaka - Ragbi



## PINGAT TUNGGAL ATLET UTHM DI SUKMA SARAWAK 2024



**UTHM | 22 Ogos 2024** | Sekalung ucapan syabas dan tahniah diucapkan kepada Muhammad Amiruddin bin Zulkifli dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) mewakili Negeri Terengganu atas pencapaian cemerlang merangkul pingat emas dalam acara Mekanah (Compound Berpasukan Lelaki) dalam SUKMA XXI Sarawak 2024.

Anda telah mengharumkan nama UTHM, teruskan usaha dan semoga terus berjaya di masa hadapan



# TAHNAH PENERIMA ANUGERAH BITARA KIRANA 2024

**JOHOR BAHRU | 23 OGOS 2024** | Syabas dan tahniah kepada semua penerima Anugerah Bintang Kirana 2024, khususnya kepada staf Pusat Sukan Universiti yang telah menerima pengiktirafan ini. Majlis gilang-gemilang yang berlangsung pada 23 Ogos 2024 di Pulau Spring Resort, Johor Bahru ini adalah bukti dedikasi dan usaha keras anda semua. Semoga pencapaian ini terus menjadi pendorong untuk meningkatkan kualiti dan prestasi kerja di masa akan datang. Berikut adalah senarai staf Pusat Sukan Universiti yang telah menerima anugerah :

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang :  
En. Muhammad Noor Saddam Bin Hussin

Anugerah Khas Panel  
(Pembangunan Sumber Manusia) :  
Pn. Rohmaton binti Muslik  
En. Zailizam bin Paiman

Anugerah Taat Setia :  
Pn. Tuan Noraini binti Tuan Mohd  
En. Shaid bin Jaffar



## PERTANDINGAN BOLA JARING TERBUKA PONTIAN PIALA YB HJH HASRUNIZAH



**PONTIAN | 24 OGOS 2024** | Pasukan Bola Jaring UTHM telah mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan Bola Jaring Terbuka Pontian Piala YB Hjh Hasrunizah yang diadakan bertempat di SJK (C) Tah Tong, Pontian, Johor.

Sebanyak 16 penyertaan pasukan dari pelbagai daerah sekitar negeri Johor telah memberikan saingan yang sihat bagi menjayakan pertandingan bola jaring ini. Kejohanan ini adalah persediaan kontinjen UTHM bagi menghadapi SUKIPT 2024 pada September depan. Syabas dan tahniah diucapkan.



# KEM 2 PATH OF GLORY SUKIPT, ATLET PRESTASI TINGGI UTHM 2024

**MERSING | 25 - 27 JULAI 2024** | Program Path Of Glory merupakan program persediaan atlet sasaran podium UTHM bagi menghadapi Kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT). Program ini bermula dari fasa Think Tank, Kem 1, Latihan online dan Kem 2. Penerapan elemen Sains Sukan antaranya “Strength Conditioning” oleh Encik Muhammad Nur Afiq bin Johari (Pejabat Pendaftar) dan “Sports Psychology” yang disampaikan Pegawai Psikologi Sukan Majlis Sukan Negeri Johor, Encik Syaiful Akmal serta perkongsian GRIT oleh bekas atlet prestasi tinggi UTHM, Dr. Mohd Zulfadli bin Rozali (FPTV) diharap dapat membantu peningkatan prestasi atlet menghadapi SUKIPT 2024.



## EN. NAJIB YAAKUB KETUAI SKUAD HOKI JOHOR DI SUKMA SARAWAK 2024

**SARAWAK | 17-24 Ogos 2024** | Tahniah diucapkan kepada En. Najib Yaakup (PSU) atas pelantikan sebagai Ketua Jurulatih Penjaga Gol Hoki Lelaki SUKMA Johor. Kejayaan pasukan hoki lelaki Johor meraih tempat ke-5 di SUKMA Sarawak 2024 baru-baru ini merupakan pencapaian yang membanggakan. Semoga dengan kepimpinan dan dedikasi En. Najib, pasukan ini akan terus maju dan mencapai kejayaan yang lebih gemilang di masa hadapan

Peringkat Kumpulan  
Johor 1-1 Pulau Pinang  
Johor 6-1 Melaka

Suku Akhir  
Johor 2-3 Kuala Lumpur

Penentuan Tempat Ke 5 - 8  
Johor 6-1 Sabah

Penentuan Tempat Ke 5 - 6  
Johor 5-3 Melaka





# PROGRAM PERHIMPUNAN KECERGASAN UTHM BIL.5/2024: KAYUHAN SANTAI BERSEMPENA BULAN KEBANGSAAN PERINGKAT UTHM

UTHM | 29 Ogos 2024 | Pusat Sukan Universiti dengan kerjasama Pusat Kepimpinan dan Kompetensi telah menganjurkan Program Perhimpunan Kecergasan UTHM Bil.5/2024: Kayuhan Santai Bersempena Bulan Kebangsaan Peringkat UTHM. Program ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dari kalangan staf UTHM. Aktiviti ini bukan sahaja menyumbang kepada kesihatan fizikal tetapi juga mengeratkan hubungan silaturahim antara staf, sejajar dengan semangat perpaduan yang dipupuk sempena Bulan Kebangsaan







Diterbitkan oleh :

**BAHAGIAN PENGURUSAN STRATEGIK & KORPORAT  
PUSAT SUKAN UNIVERSITI  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

86400, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Tel.: 07 - 4537449

Fax: 07 - 4536581